



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03-8884 6072
Faks: 03-8888 5124
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KP(BPPK) 112/40 Jilid 2 (5)

Tarikh : 20 November 2015

Semua Setiausaha / Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN (PBPPP) MENGGANTIKAN PENILAIAN PRESTASI SEDIA
ADA DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa instrumen **Penilaian Bersepadu Pegawai Pendidikan Perkhidmatan (PBPPP)** telah dibangunkan berasaskan keputusan dalam makmal *Government Transformation Programmes (GTP) 2.0* serta inspirasi Anjakan 4 dan 5 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Mesyuarat *Delivery Task Force (DTF)* pada 19 September 2013 yang dipengerusikan oleh mantan YAB Menteri Pendidikan telah bersetuju dengan hasrat untuk melaksanakan PBPPP bermula pada tahun 2015. Oleh yang demikian, prapelaksanaan PBPPP telah dijalankan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia bermula pada 22

PELAKSANAAN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP)
MENGGANTIKAN PENILAIAN PRESTASI SEDIA ADA DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

September hingga 31 Disember 2014. Hasil daripada prapelaksanaan ini, seramai 395,838 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) daripada kumpulan **Guru PdP, Kepimpinan Sekolah, Guru Bimbingan dan Kaunseling** serta **Jurulatih Sukan dan Jurulatih Seni** telah dinilai. Pada tahun 2015 pula, PBPPP dilaksanakan sepenuhnya bagi kumpulan tersebut. Pada peringkat penilaian pertama yang dijalankan sehingga 31 Julai 2015, seramai 423,231 PPP daripada 423,788 PPP telah selesai dinilai. Perkara ini memperlihatkan bahawa PBPPP berjaya dijalankan untuk menilai prestasi dan kompetensi PPP di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

3. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa **PBPPP** telah diluluskan untuk menggantikan penilaian prestasi sedia ada PPP di KPM melalui Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ketua Setiausaha Negara pada 21 Oktober 2015. Penilaian ini juga akan menggantikan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) seperti yang telah diluluskan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berdasarkan surat JPA.BK(S)174/3/14(50) bertarikh 5 November 2015. Perkara ini juga telah dimaklumkan dan mendapat persetujuan YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia dalam **Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri (MSJM) Bilangan 16 Tahun 2015**.

4. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, pelaksanaan PBPPP yang akan menggantikan semua penilaian prestasi termasuk LNPT kepada **semua PPP di KPM** akan bermula pada **Januari 2016**. Walau bagaimanapun, PPP dalam **Kumpulan Guru PdP, Kepimpinan Sekolah, Guru Bimbingan dan Kaunseling** serta **Jurulatih Sukan dan Jurulatih Seni** telah mengguna pakai PBPPP sebagai instrumen penilaian prestasi mulai **April 2015**.



PELAKSANAAN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP)
MENGGANTIKAN PENILAIAN PRESTASI SEDIA ADA DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

5. Pelaksanaan PBPPP ini adalah **diwajibkan** kerana perkara ini akan memberi implikasi terhadap perkhidmatan setiap PPP seperti kenaikan pangkat, kemajuan kerjaya dan sebagainya. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian, Institusi Pendidikan, JPN, PPD dan sekolah.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
5. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
7. Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Pegawai Eksekutif PADU
9. Ketua Nazir Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti